

## **043 UNDANG-UNDANG MENANGANI ORANG KETIGA DALAM RUMAHTANGGA: SATU SOROTAN DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH NEGERI SELANGOR DAN UNDANG-UNDANG KELUARGA SIVIL**

**Zaini Yusnita Bt. Mat Jusoh ,Zanariah Dimon**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

[zainiyusnita@kuis.edu.my](mailto:zainiyusnita@kuis.edu.my), [zanariah@kuis.edu.my](mailto:zanariah@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Perceraian dalam institusi keluarga sering berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Antara faktor utama perceraian ini adalah disebabkan konflik dan permasalahan di dalam rumahtangga yang tidak dapat diselesaikan lagi. Selain itu, punca kehadiran orang ketiga dalam rumahtangga juga merupakan salah satu sebab kepada perceraian. Menurut Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, perbuatan mengganggu keharmonian rumahtangga orang lain sehingga menyebabkan perceraian adalah dikira sebagai satu kesalahan jenayah syariah dan boleh di dakwa di Mahkamah Syariah. Terdapat beberapa peruntukan khusus di dalam enakmen tersebut mengenai kesalahan ini. Selain itu juga, di bawah undang-undang keluarga sivil, sebagaimana yang telah diperuntukan di dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 bahawa orang ketiga yang menyebabkan perceraian antara pasangan bukan islam terutama yang melibatkan kes-kes perzinaan juga boleh didakwa dan dikenakan hukuman seperti membayar ganti rugi. Oleh itu objektif kajian ini ialah untuk meninjau sejauh mana pelaksanaan undang-undang terhadap kesalahan ini di bawah undang-undang jenayah syariah Negeri Selangor dan undang-undang keluarga sivil. Kajian ini akan menggunakan metode analisis dokumen dan kajian perpustakaan dengan membuat perbandingan di antara kedua-dua peruntukan undang-undang tersebut. Hasil kajian mendapati tidak ada sebarang pelaksanaan undang-undang terhadap kesalahan ini di bawah kedua-dua peruntukan undang-undang tersebut berdasarkan tiada sebarang kes-kes yang telah direkodkan di Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil.

Kata kunci : Orang ketiga, jenayah syariah, undang-undang keluarga sivil.

### **PENDAHALUAN**

Alam percintaan dan hidup berumahtangga ternyata memang jauh bezanya. Jika dahulunya sedang hangat bercinta, pelbagai janji ditabur untuk hidup setia dan sayang selamanya, tetapi selepas berkahwin lain pula jadinya. Ada sahaja serba kekurangan di mata, maklumlah dulu tidak serumah, kini sudah hidup berdua. Perjalanan rumah tangga juga tidak terlepas daripada pelbagai masalah kerana sebagai makhluk Allah yang lemah, kita memiliki kekurangan dan juga kelemahan. Di dalam kehidupan hari ini, pelbagai masalah yang dihadapi pasangan suami isteri seringkali timbul. Ramai dalam kalangan pasangan ini mengambil langkah yang sangat mudah apabila terpaksa berhadapan dengan masalah dengan tidak menyelesaikannya, bahkan sanggup melarikan diri dari masalah.

Apabila telah hidup dan menjalani kehidupan berkeluarga, Islam telah menggariskan hak-hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan bagi kedua-dua belah pihak. Hak isteri adalah tanggungjawab suami, manakala hak suami adalah tanggungjawab isteri. Segalanya perlu dilaksanakan seiring dan dijaga dengan sebaik mungkin. Pelbagai konflik yang berlaku dalam menjalani kehidupan alam rumah tangga. Salah satu isu yang seringkali menjadi penyebab utama kepada keruntuhan rumah tangga adalah kehadiran orang ketiga. Ini bukan merupakan fenomena baru dalam masyarakat Melayu, malah ianya telah lama wujud.

Pengabaian dalam melaksanakan tanggungjawab keluarga berlaku apabila campur tangan atau kehadiran orang ketiga dalam rumahtangga. Hal ini sudah tentu mengganggu kehidupan pembesaran anak serta menyebabkan kebajikan anak terabai kerana sibuk meluangkan masa bersama kekasih baru. Malah ada yang mengambil kesempatan dengan menghasut suami atau isteri supaya berpisah dan menjanjikan kehidupan baru yang lebih bahagia. Perbuatan yang bercanggah dengan batas agama sehingga ke tahap perhubungan terlarang dengan isteri atau suami orang yang sudah berkahwin juga satu tabiat masyarakat Melayu hari ini. Apa yang menyebabkan mereka terjerumus ke arah songsang, sebagai contoh ada yang sanggup menduakan suami sendiri atau melakukan zina dengan isteri atau suami orang lain. Pihak yang menjadi mangsa keadaan pula mencuba mencari penyelesaian supaya perkahwinan itu diselamatkan. Malah yang lebih menyedihkan lagi, tempoh perkahwinan ini bertahun lamanya dengan penuh kebahagiaan bertukar menjadi penderitaan akibat bahan orang ketiga dan anak yang menjadi mangsa keadaan jika berlaku keretakan rumah tangga. Jika konflik dan campur tangan dalam rumah tangga ini dengan adanya

campur tangan atau kehadiran orang ketiga ini berterusan, maka tidak hairanlah statistik perceraian dalam masyarakat semakin meningkat.

## KONSEP ORANG KETIGA DALAM RUMAH TANGGA

Definisi orang ketiga tidak dijelaskan secara nyata dan tersurat, tetapi secara tersiranya yang boleh disertakan orang ketiga dalam rumah tangga adalah orang tengah. Pendefinisian orang tengah dalam kamus adalah pertama perantara, penghubung, muncikari, ibu ayam, pelera, pemisah. Kedua, orang yang tidak menyebelahi mana-mana pihak yang berselisih, orang yang cuba menyelesaikan sesuatu pergaduhan antara dua pihak, pendamai, pengadil, wasit dan hakam (Zainal Abidin Safarwan, 1995). Manakal ahli akademik pula memberikan definisi tentang orang ketiga dalam rumah tangga bermaksud mereka yang dikategorikan sebagai orang ketiga boleh merujuk antara pasangan kekasih lelaki dan wanita, wanita dengan wanita *lesbian* (hubungan sesama jantina yang dimaksudkan sebagai musahabah dan liwat) (Wahbah Al-Zuhaili, 1991), lelaki dengan lelaki *gay* (persetubuhan dubur sesama lelaki atau perempuan kecuali dubur isteri), kalangan keluarga, saudara-mara, adik beradik, ibu-bapa atau datuk dan nenek (Juani Munir Abu Bakar, 2013)

Menurut undang-undang pula, iaitu berdasarkan Enakmen Jenayah Syariah, orang ketiga dalam rumah tangga itu bukan sahaja dituju khusus untuk kekasih gelap atau sebagainya. Oleh itu, secara umumnya maksud sebenar orang ketiga dalam rumah tangga adalah semua individu iaitu keluarga, sahabat dan masyarakat sekeliling. Kebiasaanya mereka ini memujuk, menghalang dan menghasut, supaya meninggalkan umah tangga dan mengabaikan tanggung jawab sebagai suami dan isteri (Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995). Secara ringkasnya, orang ketiga dalam rumah tangga bermaksud sesiapa sahaja, sama ada seorang lelaki atau wanita menjadi sebab kepada berlakunya ketidakharmonian perkahwinan seseorang. Selain itu, seseorang yang berniat mencampuri dalam urusan rumah tangga pasangan suami dan isteri kearah kebaikan juga di anggap sebagai orang ketiga dalam rumah tangga.

## **PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT MENJADI ORANG KETIGA DALAM RUMAH TANGGA**

### **1. Ahli keluarga Suami atau Isteri**

Asas kepada pembentukan sesebuah keluarga ialah suami, isteri dan anak-anak. Keluarga terdiri daripada saudara mara atau sekalian orang yang mempunyai hubungan darah, seisi rumah tangga yang terdiri daripada suami dan isteri berserta anak-anak dan saudara mara angkat. Suami sebagai bapa merupakan ketua keluarga yang bertanggung jawab mengemudikan sesebuah keluarga. Setelah bersiap sedia untuk memasuki alam perkahwinan, ayah dan ibu wajib menikahkan anaknya supaya memulakan kehidupan baru. Jika terjadi pertikaian, orang tua harus memihak kepada menantu, bukan memihak kepada anak sendiri. Jikalau kekeliruan itu berpunca daripada menantu, menantu haruslah sentiasa ingat kesalahan itu dan tidak mengulangi kesalahan tersebut. Berkemungkinan besar pertikaian terjadi disebabkan ketidakmatangan dalam memahami konsep sebenar rumah tangga. Kebiasaannya ibu bapa mungkin menentang perkahwinan anaknya, jikalau calon menantunya itu orang yang tidak terpelajar atau tidak baik budinya. Kekuatiran orang tua tentu ada sebabnya, kerana mereka takut menyerahkan anak yang disayanginya kepada orang yang tidak bertanggung jawab dan tidak dapat memimpin anaknya ke arah yang betul. Jikalau anak lelaki ula ibu dan bapa risau jikalau mempunyai menantu yang sombong, mata duitan dan sebagainya, keranan anaknya boleh terjerumus sebagai anak derhaka. (Ny.Hadijah Salim, 1979).

Mertua seharusnya memberi nasihat yang bernas dan tunjuk ajar yang baik, supaya tidak berlaku pergaduhan yang besar di antara anak dengan menantu (Hussain Mazhahiri,2004).Ibu bapa sering kali mencampuri urusan rumah tangga anak dan menantu malah, enggan membiarkan anaknya berada dalam kesusahan. Sepatutnya ibu bapa perlu membiarkan anak dan menantunya berdikari dan menyelesaikan masalah sendiri kerana masalah yang kecil boleh menimbulkan lagi pertelingkahan anantara mereka jika wujudnya campur tangan keluarga, maka, bermula perkara yang tidak diingini berlaku. Sebagai contoh

,anak harus mendengar keinginan ibu bapa mereka bahkan sanggup menceraikan isteri sekalipun supaya memenuhi kehendak hati ibu dan ayah. Akibat perbuatan tersebut, bukan hanya menjadikan kasih sayang hancur, namun rumah tangga anak dan menantu mungkin berlaku pergaduhan sehingga kepada perceraian. (Hussain Mazhahiri,2004)

## **2. Pasangan Kekasih lelaki atau wanita**

Kebiasaanya, keadaan sosial yang tidak terkawal selalu mencetuskan konflik dalam rumah tangga antaranya hubungan sosial di luar serta mempunyai hubungan dengan orang lain. Maksud tersirat mempunyai hubungan dengan orang lain adalah termasuk kekasih lelaki atau teman wanita. Hubungan yang melibatkan dengan orang lain terjadi apabila suami atau isteri mempunyai hubungan dengan orang lain secara tersembunyi, malah lebih teruk jika sikap suami atau isteri itu sendiri yang suka bersosial.(Siti Zalikhah Md Nor, 2009). Pasangan kekasih secara songsang turut terjadi dalam kalangan masyarakat pada hari ini, sama ada orang Islam atau orang bukan Islam. Kekasih songsang adalah termasuk *lesbian* atau *gay* . Pendefinisian sebenar lesbian adalah persetubuhan yang dilakukan oleh sesama perempuan, yang mana bercanggah dengan agama Islam. Maksud gay pula, adalah persetubuhan lelaki dengan lelaki atau liwat. Perhubungan ini haram dan dilarang menurut agama Islam (Muhammad Mustafa Al-Zuhaily, 2012).

## **3. Masyarakat**

Masyarakat merupakan suatu institusi keluarga yang besar dan menghadapi karenah dalam masyarakat bukan suatu perkara yang mudah. Kebaikan yang wujud dalam hidup bermasyarakat ini ialah kita mampu berwaspada daripada sebarang anasir yang mampu meruntuhkan rumah tangga. Namun disebaliknya wujud juga penyampaian maklumat yang salah yang boleh mengeruhkan lagi keadaan yang sedia ada. Masyarakat yang paling dekat adalah jiran kerana disekeliling rumah terdapat jiran tetangga. Agama Islam bukan sahaja dari segi ibadat, malah dari segi pergaulan juga diambil kira dan memandang berat terhadap pergaulan jiran tetangga. Islam menganjurkan seorang jiran perlulah saling menghormati dan

tidak boleh menghina jirannya. Pergaulan yang baik terhadap manusia adalah jalan yang penting untuk mendapatkan pahala dan penghargaan. Seseorang islam yang mengabaikan tanggung jawabnya terhadap Allah di ampunkan dosanya apabila bertaubat, tetapi kesalahan terhadap masyarakat kerana menyakitinya atau memusuhinya tidak diampunkan selagi tidak meminta maaf kepada orang yang disakitinya. (Fadilah Hj. Said, 1980)

## **UNDANG-UNDANG MENANGANI ORANG KETIGA DALAM RUMAH TANGGA MENURUT ENAKMEN JENAYAH SYARIAH NEGERI SELANGOR ( 1995) (EJSS)**

Secara umumnya, jenayah merujuk kepada perbuatan jahat yang mana ditegah secara kerasnya sama ada melakukan apa-apa yang dilarang atau meninggalkan apa-apa yang disuruh. Oleh itu, hukuman boleh dikenakan kepada orang yang meninggalkan tanggung jawab yang mesti dilaksanakan atau melakukan sesuatu yang dilarang oleh syarak. Maka para ulama bersepakat membahagikan jenayah Islam kepada tiga bahagian iaitu hudud, qisas dan taa,zir kerana bentuk jenayah yang berbeza antara satu sama lain dan mengambil kira persoalan hak Allah atau hak manusia. Antara peruntukan undang-undang yang sesuai untuk digunakan supaya dapat menangani isu orang ke tiga dalam rumah tangga menurut Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor (1995) (EJSS) di bawah seksyen 32, seksyen 33 dan seksyen 34 bahagian V kesalahan pelbagai.

Seksyen 32 memperuntukan mengenai perihal memujuk lari perempuan yang telah mempunyai suami dengan apa-apa cara yang mana mempengaruhinya supaya meninggalkan suami.

“ Mana-mana orang yang memujuk lari seorang perempuan bersuami atau membawanya pergi atau dengan apa-apa cara lain mempengaruhinya supaya meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun

atau kedua-duanya dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan bersuami itu kembali kepada suaminya”.

Berdasarkan peruntukan tersebut, sesiapa sahaja yang memujuk lari atau membawanya pergi atau mempengaruhi isteri orang lain untuk meninggalkan rumah dan suaminya, maka dia telah dikira melakukan kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu Seksyen 33 EJSS pula memperuntukan mengenai seorang yang menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami dan isteri .

“ Mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah dengan sah daripada hidup sebagai suami isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai pasangan suami isteri yang sudah bernikah dengan sah.”

Berdasarkan peruntukan tersebut, sesiapa sahaja yang menghalang pasangan yang sudah berkahwin hidup sebagai suami isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang dengan hukuman lima tahun penjara dan denda tidak melebihi

Terdapat juga perutukan yang khusus mengenai seorang yang menghasut, memaksa suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan. Seksyen yang berkaitan ialah seksyen 34 EJSS. Seksyen ini memperuntukan seperti berikut :

“ Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan atau tanggung jawabnya kepada isteri atau suami atau keluarganya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila

disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali”.

Seksyen ini memperuntukan bahawa sesiapa sahaja sama ada lelaki atau perempuan yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan atau tanggung jawabnya kepada isteri atau suami atau keluarganya adalah melakukan suatu kesalahan.

Kesimpulannya di sini, terdapat tiga jenis kesalahan jenayah dan bentuk hukuman yang sesuai untuk diberikan kepada pihak ketiga yang mempunyai niat yang negative dalam rumah tangga. Kesalahan tersebut ialah memujuk isteri orang supaya lari dari rumah, mempunyai niat untuk memecahbelahkan rumah tangga seseorang dengan menghalang pasangan suami isteri hidup sebagai suami isteri dan perbuatan menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana suami atau isteri agar bercerai atau mengabaikan tanggung jawab kepada isteri atau suami atau keluarganya. Kebiasaannya hukuman yang dikenakan kerana kesalahan jenayah syariah di Malaysia yang dilaksanakan di mahkamah syariah adalah penjara dan denda. Secara teorinya, kesalahan yang hukuman maksimum EJSS hanya RM5000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang dilaksanakan terhadap kesalahan jenayah syariah ini masih lagi tidak bertentangan dengan apa yang diperuntukan oleh undang-undang di peringkat Persekutuan.(Hamid Jusoh,2007).

## **PROSEDUR MENANGANI KESALAHAN JENAYAH ORANG KETIGA DALAM RUMAH TANGGA.**

### **i. Membuat aduan di Pejabat Agama Islam**

Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan untuk menangani isu orang ketiga dalam rumah tangga, yang menjadi penghalang dan mengganggu kebahagiaan dalam perkahwinan. Suami atau isteri perlulah memainkan peranan yang utama dalam menangani krisis rumah tangga. Antara cara yang boleh dilakukan untuk mencegah ialah dengan



memberi peringatan agar tidak mencampuri urusan rumah tangga atau melarang pihak ketiga daripada berkawan atau menghubungi isteri atau suami orang lain itu. Sekiranya mereka masih berdegil barulah mengambil tindakan undang-undang.

Berdasarkan peruntukan undang-undang dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor, suami atau isteri perlulah membuat aduan kepada Pegawai Penyiasat Agama (PPA) berhubung perkara tersebut. Ramai di kalangan masyarakat yang tidak tahu apakah tindakan yang perlu dilakukan dalam menangani permasalahan isu orang ketiga dalam rumah tangga. Mangsa kepada pihak ketiga tadi boleh memberi maklumat kepada PPA dan seterusnya PPA akan terus menjalankan siasatan. Selain membuat penyiasatan, PPA juga mempunyai kuasa untuk memerintahkan kehadiran saksi untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam terhadap aduan yang dibuat. Keenganan saksi untuk hadir di hadapan PPA yang menjalankan siasatan adalah merupakan satu kesalahan dan boleh dilaporkan kepada Hakim Syarie di mana hakim boleh mengeluarkan waran bagi memastikan kehadiran saksi tersebut seperti yang dikehendaki. (Shamrahayu A. Aziz, 2007).

## **ii. Kaunseling atau rundingcara**

Kaunseling perkahwinan menurut pandangan Islam amat diperlukan, terutamanya ketika menghadapi permasalahan dalam rumah tangga. Islam telah menganjurkan prinsip-prinsip tertentu membentuk, mengekal dan memperbaiki keharmonian dalam rumah tangga. Pada umumnya, kaunseling perkahwinan bukan lagi satu perkara yang baru bagi masyarakat Islam. Kaunseling perkahwinan ini telah wujud bersama-sama dengan penyempurnaan syarat yang mempunyai hubungan dengan institusi kekeluargaan Islam. Tetapi perubahan sosial pada masa kini menyebabkan cara kaunseling dikendalikan mengikut keperluan semasa. Terdapat keadaan pasangan yang telah lama berkahwin menghadapi masalah kasih sayang yang semakin pudar. Berkemungkinan hal ini disebabkan wujudnya kehadiran orang ketiga dalam rumah tangga yang menyebabkan layanan suami dan isteri mula berubah.

Menurut Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor, Puan Maryam Md Zin, beliau menyatakan bahawa setelah menerima aduan

daripada salah seorang pasangan, sama ada dari pihak suami atau isteri dan didapati ada konflik antara mereka, maka mereka akan dipanggil untuk mengikuti proses kaunseling. Secara praktiknya, sekiranya selepas sesi kaunseling yang akan di adakan sebanyak dua kali, jika benar-benar wujud kesalahan jenayah itu maka masalah ini akan diserahkan kepada PPA untuk menjalankan siasatan sebelum membuat tindakan selanjutnya.

PPA akan menjalankan penyiasatannya setelah mengetahui dan memahami undang-undang agar hasil penyiasatannya itu benar-benar sah mengikut undang-undang. Penyiasatan juga dilakukan dengan beberapa peringkat yang perlu dilalui dan merupakan proses mengenalpasti beberapa perkara seperti jenis kesalahan, siapakah yang melakukannya serta apakah keterangan dan bukti terhadap kesalahan tersebut.

Sebenarnya masyarakat tidak mengetahui dan tidak menyedari akan kewujudan peruntukan undang-undang yang boleh melindungi rumah tangga. Malah hukuman yang setimpal yang khusus kepada pihak ketiga dalam rumah tangga juga telah di tetapkan dalam EJSS. Hanya sebilangan kecil sahaja yang mengambil tindakan untuk menentang orang ketiga ini manakala yang selebihnya mengambil jalan mudah dengan bercerai. Pihak ketiga tidak dikenakan apa-apa tindakan disebabkan tidak tahu mengenai kewujudan jenayah ini yang boleh diambil tindakan undang-undang. Dengan kata lain, orang ketiga bebas begitu sahaja sehinggakan mereka pula yang berkahwin dengan pasangan suami atau isteri yang telah bercerai.

### **UNDANG-UNDANG MENANGANI ORANG KETIGA DALAM RUMAH TANGGA MENURUT AKTA MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN) 1976 (AMU 1976)**

Secara umum undang-undang berhubung perkahwinan dan perceraian orang bukan islam di Malaysia diperuntukan di bawah Akta Membaharui undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 yang mula berkuat kuasa pada 1hb Mac 1982. Sebelum akta ini dikuatkuasakan, perkahwinan masyarakat tempatan negara ini secara umumnya terikat dengan

amalan adat dan kelaziman menurut kaum dan kepercayaan. Sebelum itu, undang-undang bertulis yang ada sebelum akta ini hanyalah terpakai terhadap golongan tertentu dan kawasan negeri tertentu sahaja dan tidak ada paksaan dalam pemakaiannya.(Shamsuddin Suhor & Noor Aziah Moh Awal,2007).

Salah satu fungsi undang-undang keluarga adalah untuk memastikan jika pasangan yang telah berkahwin ingin bercerai, perceraian tersebut hendaklah meminimumkan kesengsaraan dan kepedihan pihak yang terlibat. Perundangan yang diwujudkan bukanlah bertujuan menggalakkan perceraian tetapi memastikan hak dan tanggungjawab dalam perkahwinan tersebut terpelihara selepas perceraian berlaku.

Untuk membolehkan mahkamah mempunyai bidang kuasa terhadap suatu permohonan perceraian, perkahwinan tersebut mestilah dilangsungkan di bawah AMU 1976 ini. Selain syarat bidangkuasa, permohonan untuk perceraian hanya akan didengar sekiranya pasangan telah berkahwin lebih dari tiga tahun. Permohonan untuk bercerai yang kurang dari tiga tahun, hanya akan didengar dengan kebenaran dari mahkamah dengan alasan bahawa pempetisyen mengalami kesukaran terkecuali atau perangai yang tersangat buruk pada pihak responden.

Apabila syarat bidang kuasa telah dipenuhi dan melepasi syarat dua tahun berkahwin. Mahkamah boleh mendengar permohonan perceraian atas alasan-alasan berikut :

- i. Penzinaan
- ii. Tinggal langsung selama dua tahun berterusan
- iii. Kekejaman
- iv. Gila atau kurang siuman

Namun dalam kertas kerja ini, penulis hanya membincangkan alasan yang pertama sahaja iaitu penzinaan kerana alasan tersebut adalah melibatkan orang ketiga dalam rumah tangga. Peruntukan undang-undang berkaitan alasan di atas adalah di bawah seksyen 53 yang mesti dibaca bersama seksyen 54 AMU.

## **KEPECAHBELAHAN PERKAHWINAN**

Seksyen 53 memperuntukkan :

Kepecahbelahan perkahwinan hendaklah menjadi alasan tunggal bagi perceraian :

(1) Salah satu pihak kepada suatu perkahwinan boleh mempetisyen untuk perceraian atas alasan bahawa perkahwinan telah pecah belah dengan tidak dapat dipulihkan lagi.

Manakala seksyen 54 memperuntukkan :

“ Mahkamah dalam menyiasat sama ada wujud kepecahbelahan dalam sesuatu perkahwinan itu, mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada satu atau lebih daripada fakta-fakta berikut:

- (1) Bahawa pihak menentang telah melakukan zina dan si petisyen dapati tak tertahan untuk tinggal bersama pihak menentang.
- (2) Bahawa pihak menentang telah bertingkah laku secara yang menyebabkan si petisyen tidak boleh dijangka dengan munasabah akan dapat tinggal dengan pihak menentang.

Berdasarkan kepada kedua-dua sub seksyen ini adalah jelas bahawa perbuatan zina merupakan alasan utama untuk memohon perceraian. Hanya pihak yang tidak bersalah atau tidak berzina sahaja yang boleh petisyen untuk perceraian di bawah sub seksyen ini. Definisi zina dalam konteks AMU ialah zina merupakan perhubungan seksual yang dilakukan oleh seorang lelaki atau perempuan yang telah berkahwin dengan seorang perempuan atau lelaki lain. (Nor Aini Abdullah, 2012). Oleh itu, sekiranya kita lihat di sini, perbuatan zina dalam sesebuah perkahwinan mestilah melibatkan orang ke tiga iaitu perempuan atau lelaki lain yang telah berzina dengan suami atau isteri orang lain.

Perbuatan zina sahaja tidak cukup untuk dijadikan bukti kepada kepecahbelahan perkahwinan itu melainkan dibuktikan bersama-samanya bahawa pempetisyen tidak tahan tinggal bersama dengan pihak menentang (Shamsuddin Suhor, 1994). Mengikut peruntukan

sek 54 ini, perceraian bukan hanya disebabkan perbuatan zina itu sahaja tetapi disebabkan pempetisyen yang tidak tahan tinggal bersama responden. Jadi adalah jelas di sini orang ketiga yang telah melakukan zina dengan suami atau isteri orang lain itu dan sekaligus menyebabkan pasangan tersebut bercerai kerana tidak tahan lagi tinggal bersama adalah dikira melakukan satu kesalahan di bawah AMU.

### **GANTI RUGI KERANA PENZINAAN BOLEH DITUNTUT TERHADAP PIHAK MENENTANG BERSAMA (ORANG KETIGA)**

Jika perzinaan dijadikan alasan kepada suatu petisyen perceraian, penzina lelaki dan penzina perempuan yang dikaitkan itu mestilah dijadikan sebagai pihak menentang bersama melainkan diberi pengecualian oleh mahkamah atas sebab-sebab tertentu. Penzina yang dijadikan pihak menentang bersama itu boleh diminta supaya membayar ganti rugi kerana perbuatannya itu yang telah menyebabkan perceraian dan kepecahbelahan perkahwinan orang lain. (Mimi Kamariah Majid, 1992). Seksyen 58 (2) AMU memperutukan bahawa

“sesuatu petisyen di bawah seksyen kecil (1) boleh termasuk sesuatu permintaan supaya pihak menentang bersama ini dihukum membayar ganti rugi berkenaan dengan perzinaan yang dituduh itu”

Jika suatu tuntutan di buat bagi mendapatkan ganti rugi rosak, seseorang pihak menentang bersama itu boleh dilepaskan daripada pembicaraan itu tanpa menjawab pertuduhan jika mahkamah tidak mempunyai keterangan yang mencukupi. Namun begitu, jika perzinaan telah dibuktikan dengan sempurnanya, ganti rugi boleh diberikan kepada pihak pempetisyen. Hal ini boleh dilihat dalam kes *Tan Kay Poh lwn Tan Surida & Anor (1989) 1 MLJ 276* . Di dalam kes ini suami selaku pempetisyen telah mengemukakan petisyen perceraian kepada mahkamah atas alasan kepecahbelahan perkahwinan kerana isterinya telah melakukan zina dengan pihak menentang bersama. Salah satu isu yang dibangkitkan di sini ialah adakah pempetisyen berhak menuntut ganti rugi dari pihak menentang bersama kerana berzina dengan isterinya. Mahkamah Tinggi Singapura telah merujuk kepada keadaan di England. Sebelum 1971 seorang suami boleh menuntut ganti rugi . Walaubagaimanapun, selepas 1971, seksyen 4 English Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1970 memperutukan bahawa selepas akta ini dikuatkuasakan tiada seorang boleh dibenarkan untuk

membuat tuntutan bagi ganti rugi ke atas mana-mana orang atas alasan berzina dengan isteri pihak petisyen. ((Shamsuddin Suhor, 1994)

Di Malaysia sejauh manakah perubahan yang berlaku pada English Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1970 dan pemansuhan yang serupa mempengaruhi seksyen 58 AMU belum dapat dipastikan hingga kini. Namun begitu, sehingga ke hari ini seksyen 58 AMU masih lagi kekal dan tidak dipinda sehingga ke hari ini. Oleh itu adalah jelas bahawa ganti rugi terhadap penentang bersama yang telah berzina dengan suami atau isteri orang lain sehingga menyebabkan perceraian atau kepecahbelahan rumah tangga masih boleh dituntut di Malaysia. Mahkamah juga boleh memerintahkan pihak menentang bersama membayar kos pembicaraan sekiranya di dapati sekiranya didapati semasa melakukan perbuatan tersebut pihak menentang adalah isteri seorang dan masih lagi tinggal bersama suaminya.

## **KESIMPULAN**

Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 adalah merupakan peruntukan undang-undang yang sesuai untuk menangani isu orang ketiga dalam rumah tangga. Terdapat peruntukan khusus mengenai kesalahan jenayah tersebut sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Seksyen 32, 33 dan 34 EJSS iaitu merujuk kepada kesalahan yang boleh menyebabkan perceraian atau kepecahbelahan dalam rumah tangga. Malah hukuman bagi kesalahan tersebut juga telah termaktub dalam enakmen ini. Namun begitu tidak ramai yang mengetahui tentang kewujudan peruntukan ini dan masyarakat lebih mudah mencari penyelesaian dengan memohon perceraian, Hal ini menyebabkan isu orang ketiga ini akan sentiasa berterusan kerana mereka sentiasa terselamat walaupun pada hakikatnya wujud undang-undang mengenai kesalahan yang dilakukan oleh mereka serta terdapat hukuman penjara dan denda sekiranya mereka disabitkan bersalah. Situasi yang sama juga berlaku di bawah undang-undang keluarga sivil. Walaupun terdapat peruntukan di dalam AMU 1976 mengenai ganti rugi yang boleh dituntut terhadap pihak ketiga yang telah berzina dengan suami atau isteri orang lain sehingga menyebabkan perceraian, tiada kes-kes yang direkodkan di mahkamah sivil mengenai perkara ini. Hal ini mungkin disebabkan mahkamah di Malaysia terikat dengan seksyen 4 English Law Reform (Miscellaneous Provisions) Act 1970 memperutukan bahawa selepas akta ini dikuatkuasakan tiada seorang boleh dibenarkan untuk membuat tuntutan bagi

ganti rugi ke atas mana-mana orang atas alasan berzina dengan isteri orang lain walaupun seksyen 58 masih belum dipinda dan kekal di dalam AMU 1976 sehingga ke hari ini.

## **RUJUKAN**

- Fadilah Hj. Said, 1980. *Asas Kekeluargaan Dalam Islam*. Kuala Lumpur. Penerbitan Knight.
- Hamid Jusoh, 2007. *Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia. Undang-Undang Islam Jenayah, Keterangan Dan Prosedur*. Ampang. Dawama Sdn. Bhd.
- Hussain Mazhahiri, 2004. *Membangun Syurga Dalam Rumah Tangga*. Kuala Lumpur. Perpustakaan Nasional.
- Mimi Kamariah Majid, 1992. *Undang-Undang Keluarga Di Malaysia*. Malaysia. Butterworth Asia.
- Muhammad Mustafa Al-Zuhaily, 2012. *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafie*. Kuala Lumpur. Persekutuan Seruan Islam Selangor
- Nor Aini Abdullah, 2012. *Undang-Undang Keluarga Malaysia*. Petaling Jaya. Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Ny.Hadijah Salim, 1979. *Rumah Tangga Teladan*. Bandung. Pt Alma'arif
- Shamrahayu A.Aziz, 2007. *Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia. Kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama*. Ampang. Dawama. Sdn. Bhd.
- Shamsuddin Suhor & Noor Aziah Moh Awal, 2007. *Undang-Undang Keluarga (Sivil)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Shamsuddin Suhor, 1994. *Panduan Ringkas Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan Dan Perceraian) 1976*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Siti Zalikah Md Nor, 2009. *Kaunseling Perkahwinan Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Blue-T Publications Sdn Bhd,
- Zainal Abidin Safarwan. 1995 . *Kamus Besar Bahasa Melayu* .Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd